

Proton Saga bukan untuk hancur peniaga kereta lain - PM

UM 10 JUL 1985

SHAH ALAM 9 Julai - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, hasrat serta strategi kerajaan mengeluarkan kereta "Proton Saga" bukanlah untuk menghancurkan peniaga-peniaga kereta yang ada tetapi adalah untuk membuktikan bahawa negara berkemampuan meningkatkan lagi penglibatannya dalam perusahaan industri berat.

Beliau berkata, bukanlah niat kerajaan untuk menghancurkan peniaga-peniaga kereta yang ada kerana tidak ada faedahnya bagi negara jika sesuatu perniagaan yang besar seperti pemasaran kereta tiba-tiba dimusnahkan.

Hasrat kerajaan memasuki bidang pembuatan kereta ini, ujar beliau, ialah supaya perniagaan ini akan berkembang dengan lebih pesat dan dengan ini peniaga kecil akan mendapat peluang memasuki bidang ini, sementara yang sudah maju, terus maju.

Berucap di pembukaan rasmi kilang kereta nasional dan pelancaran kereta "Proton Saga" di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu keputusan kerajaan untuk melaksanakan program perindustrian berat di negara ini adalah bertujuan untuk memperluas dan mengukuhkan asas perindustrian negara dalam usaha untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara perindustrian.

"Projek ini akan menjadi nadi penggerak bagi pertumbuhan dan pembangunan industri sampingan dan melalui projek ini industri membuat komponen boleh mencapai taraf kemampuan kejuruteraan dan penyerapan teknologi yang lebih

tinggi," katanya.

Perdana Menteri mahukan supaya industri komponen kereta mempertingkatkan lagi mutu dan kecekapan pengeluaran mereka supaya ia bukan sahaja dapat membekalkan pasaran tempatan malah hendaklah juga dapat menembusi pasaran luar negeri.

Selain daripada itu, tambah beliau, usaha-usaha hendaklah dibuat dalam bidang kemajuan barangan supaya mutu barangan yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan sentiasa dijaga.

Katanya, industri-industri komponen hendaklah juga melabur dan memberi perhatian yang berat kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan kerana dengan cara ini mereka bukan sahaja dapat mengeluarkan barangan yang bermutu tetapi dapat mengikis sikap negatif di setengah-setengah kalangan orang ramai terhadap apa juga barangan yang dibuat di negara ini.

Berucap di hadapan lebih 2,000 tetamu jempunan, Perdana Menteri menyatakan, untuk menentukan perusahaan dan perniagaan kereta berkembang, perkara penting yang perlu diambil kira ialah kereta buatan Malaysia ini diterima oleh pembeli dan laris pula dijual.

Tegas beliau, tidak ada gunanya bagi peniaga-peniaga kereta yang berminat menjadi pengedar kereta nasional jika tidak ada pembeli kerana matlamat utama ialah menentukan bahawa kereta buatan Malaysia diterima baik oleh pasaran di dalam dan mungkin juga di luar negeri.

Oleh itu, katanya, keutamaan bukanlah untuk me-

mentukan bahawa sesiapa sahaja yang berminat menjadi agen atau pengedar diberi peluang.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, Dasar Ekonomi Baru tetap akan diamalkan oleh Proton dan sekali lagi buat permulaan, semasa risiko adalah tinggi, kerajaan akan menjadi pemegang amanah bagi bumiputera melalui HICOM.

"Saham kerajaan adalah yang terbesar, apabila sahaja perniagaan sudah maju, saham-saham kerajaan akan diedarkan kepada bumiputera melalui saluran saluran tertentu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, bagi mereka yang berpendapat bahawa seratus peratus saham hendaklah dikhaskan kepada bumiputera, beliau mengingatkan bahawa perniagaan bukanlah selalunya untung.

Perniagaan juga, tambah beliau, kerap mengalami kerugian dan jika bumiputera memiliki seratus peratus saham Proton atau EON, jika ia rugi, bumiputera akan rugi seratus peratus.

Dalam perniagaan, katanya, orang yang bijak dan pintar biasanya berkongsi dengan orang lain, terutama apabila keuntungan belum tentu akan dapat diperolehi.

Beliau juga mahu supaya lebih banyak syarikat perkilangan mencontohi Proton dengan menubuhkan jabatan penyelidikan dan pembangunan untuk kemajuan industri di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, beberapa buah negara telah menunjukkan minat untuk mengimport Proton Saga dan ini membuktikan bahawa negara-negara asing mempunyai keyakinan terhadap negara kita sebagai pengeluar kereta sendiri.